

PM syor penanda aras untuk Desa Cemerlang

Kampung menang anugerah mesti berusaha capai tahap lebih baik

Oleh Wan Jailani Razak

BANTING: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Anugerah Desa Gemilang diperkenalkan bagi mencetus semangat barisan kepimpinan di kampung yang pernah menerima anugerah desa cemerlang supaya terus memperkasa pembangunan desa.

Perdana Menteri sehubungan itu meminta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengadakan penanda aras bagi setiap kategori desa iaitu cemerlang, gemilang dan terbilang.

"Kita mesti berusaha supaya kalau dulu cemerlang, sekarang jadi terbilang. Jangan sekali menang desa cemerlang, selepas itu dah berpuas hati, tak payah berusaha lagi dan simpan piala sampai jadi berkarat.

"Selepas itu, kampung itu tak majulah kerana seronok dengan kejayaan sekali saja. Ketika kampung lain maju dan lebih cemerlang, dia tak kisah sebab dah dapat anugerah cemerlang.

"Saya tidak mahu jadi begini. Yang saya mahu ialah kita tingkatkan usaha bagi menjadikan kampung kita lebih baik," katanya pada majlis penyampaian Anugerah Desa Cemerlang peringkat Kebangsaan 2006, di Kampung Kundang, dekat sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo; Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Zainal Abidin Osman dan Speaker Dewan Un-

dangan Negeri Selangor, Tan Sri Onn Ismail.

Abdullah berkata, pemimpin di kampung tradisional dan desa perlu berusaha membasmi kemiskinan tegar dan relatif, selain memberi pendidikan sewajarnya untuk anak, memerangi jenayah dan masalah sosial setempat.

Katanya, menjadi usaha kerajaan membasmi kemiskinan selewat-lewatnya 2010 dan jika matlamat itu dapat dicapai pada 2008, ia lebih baik.

"Bagi orang Islam, memerangi kemiskinan satu kewajipan kerana kita tahu bahaya kemiskinan.

"Mereka yang miskin tentu akan menghadapi banyak masalah dalam kehidupan. Maka dengan semangat untuk menayakan rancangan membasmi kemiskinan tegar ini, kita harap usaha yang dijalankan mesti ber-sungguh-sungguh.

"Usaha pada peringkat bawah penting dan jangan tunggu duit (peruntukan) turun dari atas. Macam mana nak jadi negara maju kalau ada kemiskinan tegar. Tak kena," katanya.

Beliau berkata, mengikut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia berada pada kedudukan pertama sebagai negara yang paling berusaha membasmi kemiskinan. Perdana Menteri turut menyentuh mengenai aspek keciciran apabila meminta pemimpin di kampung dan wakil rakyat memastikan tiada anak di kampung mereka tidak ke sekolah atas alasan kemiskinan.

INFO

Keputusan Anugerah Desa Cemerlang 2006

Johan

Kampung Kundang, Kuala Langat, Selangor

Naib Johan

Kampung Parit Tengah, Batu Pahat, Johor

Ketiga

Kg Laklok, Machang, Kelantan

Aspek Kebersihan dan Kesihatan

Kampung Jalan Bharu, Balik Pulau, Pulau Pinang

Aspek Keindahan dan Keceriaan

Kampung Pachitan, Port Dickson, Negeri Sembilan

Aspek Pertanian, Penternakan dan Perikanan

Kampung Usaha Jaya, Kinabatangan, Sabah

Aspek Perniagaan, Perindustrian dan Pelancongan

Kg Musa, Kuala Nerang, Kedah

Aspek Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kg Relong, Kuala Lipis, Pahang

Aspek Kerohanian dan Sivik

Kg Bukit Kuda, Labuan

Aspek Kepemimpinan dan Kegiatan Institusi/ Pertubuhan

Kampung Pasir Gajah, Kemaman, Terengganu

Aspek Kreativiti & Inovasi Penduduk

Kampung Benjamin Angki, Kanowit, Sarawak

Aspek Sumber Kekayaan baru Desa

Kg Kubu, Bukit Gantang, Perak

Anugerah Potensi

Kg Tehel, Jasin, Melaka

Anugerah Harapan

Kg Surau, Arau, Perlis

Abdullah memberi contoh dirinya dan Mohamad Khir yang kini memegang jawatan penting dalam negara walaupun berasal dari kampung.

Pada majlis itu, Kampung Kundang dinobatkan sebagai johan Anugerah Desa Cemerlang peringkat Kebangsaan bagi 2006, selepas mene-

waskan 13 kampung lain di seluruh negara.

Sementara itu dalam ucapannya, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata semua 368 kampung tradisional di negeri ini akan dilengkapi prasarana asas terbaik bagi memenuhi kriteria kampung di sebuah negeri maju.